

# E - B U L E T I N

EB BSN EDISI KHAS HARI RAYA



Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam dan juga rakan niaga kami, EB BSN yang selama ini telah bekerjasama dalam memberi perkhidmatan yang baik kepada pelanggan.

Setinggi-tinggi rasa penuh kesyukuran atas rahmatNya, kita diizinkan untuk menyempurnakan bulan Ramadan dan meraikan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba pada tahun ini. Pastinya suasana sambutan Hari Raya pada tahun ini sedikit berbeza kerana kita menyambut dalam suasana norma baharu.

Kita masih lagi boleh menyambut Hari Raya dengan sentiasa patuh pada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Oleh itu, kita mestilah bersama-sama mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh kerajaan agar wabak COVID-19 ini dapat diatasi dengan segera.

Bagi yang tidak berkesempatan untuk menyambut Hari Raya di kampung halaman, anda masih boleh menyambut Hari Raya ini melalui panggilan video dengan menggunakan aplikasi Whatsapp Video, Zoom, Google Meet dan lain-lain.

Dikesempatan ini kami mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri. Kami mendoakan kesejahteraan buat anda semua dan mendoakan semoga segala amalan diterima oleh Allah S.W.T

## *Kandungan*

Info Am EB BSN |02


Testimoni EB BSN |03

Tip & Panduan |04 - 05

Promosi |06

Program & Aktiviti |07 - 08

## Lakukan Langkah Ini Ketika Pelanggan Melakukan Transaksi Di Premis Anda



## Prosedur Operasi Standard (SOP) Yang Perlu Diamalkan

**COVID-19**  
#KitaTeguhKitaMenang

Bersama Hentikan Wabak COVID-19

# PERINGATAN

Kementerian Kesihatan Malaysia

MyHEALTH

myhealthkkm

### Pemilik Premis

- 1 Pastikan pengunjung melakukan saringan suhu dan scan QR code melalui aplikasi MySejahtera.
- 2 Sekiranya tidak dapat menyediakan QR code, pastikan pengunjung merekodkan kehadiran di dalam buku.
- 3 Pastikan pengunjung bergejala atau berisiko tinggi, tidak dibenarkan masuk ke dalam premis.

### Orang Awam

- 1 Pastikan setiap kali kunjungi premis, lakukan saringan suhu dan scan QR Code melalui aplikasi MySejahtera atau jika tiada QR Code, rekod butiran diri dalam buku.
- 2 Membuat penilaian risiko dari semasa ke semasa

### TAHUKAH ANDA?

Transaksi di EB BSN hanya boleh dilakukan menggunakan Kad Debit BSN Sahaja.

Semua Kad Kredit termasuk Kad Kredit BSN tidak dibenarkan.

“ Semenjak menjadi EB BSN seawal penubuhan EB BSN iaitu pada tahun 2012, premis perniagaan saya menjadi tempat tumpuan pelanggan yang datang untuk membuat transaksi seperti pembayaran bil selain untuk mendapatkan barang keperluan lain. ”



EB BSN ANZ Berkat Maju, Terengganu

“ Perniagaan saya telah meningkat kerana ramai penduduk datang dan membuat transaksi di kedai saya. Antara kelebihan menjadi EB BSN, lebih dikenali masyarakat setempat. Saya bangga menjadi sebahagian daripada keluarga besar BSN. ”



EB BSN Panda Marketing Enterprise, Perak

“ Perkhidmatan yang ditawarkan oleh EB BSN sangat memudahkan pelanggan untuk membuat pelbagai transaksi. Perkhidmatan ini menarik ramai penduduk setempat datang ke kedai saya. ”



EB BSN Mybill Sdn Bhd, Johor

“ Perniagaan saya berubah dan bertambah maju. Penduduk berbelanja sambil membuat transaksi seperti membayar bil. Ini menjimatkan masa pelanggan kerana tak perlu pergi ke cawangan Bank. ”



EB BSN First Mart Trading Sdn Bhd, Johor

“ Penduduk setempat merasa amat mudah dan senang dengan membuat bayaran bil di premis saya serta pelanggan baharu telah bertambah disamping perniagaan saya semakin maju. ”



EB BSN SSC Digital Photo, Perak

## Cara Meningkatkan Jualan Dan Transaksi Di Premis EB BSN

- 1** Mengedar risalah yang dibekalkan oleh BSN kepada pelanggan dan memaklumkan perkhidmatan EB BSN yang ditawarkan
- 2** Mengiklankan perkhidmatan yang disediakan oleh EB BSN di media sosial seperti Facebook, Instagram, Whatsapp dan lain-lain
- 3** Fokus dan bersungguh-sungguh dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk pelanggan
- 4** Fahami setiap perkhidmatan yang disediakan oleh EB BSN
- 5** Memberi perkhidmatan yang cekap dan pantas kepada pelanggan dan menyelesaikan masalah berkaitan perkhidmatan yang ditawarkan
- 6** Letakkan diri kita di tempat pelanggan untuk memahami apa pelanggan perlu dan mahu

## Perkara Yang Perlu Dielakkan Oleh EB BSN



Talian Sokongan EB BSN  
**1800-88-5220**

## 4 Tip Hari Raya Dengan Norma Bahru



### Bangun Awal dan Siapkan Diri

Jangan ingat tak dapat balik kampung, boleh tidur sampai ke tengahari pula. Pagi Raya kenalah bangun awal, persiapkan diri cantik-cantik dengan baju raya, makan pagi bersama keluarga walau berjauhan menggunakan panggilan video menggunakan aplikasi Whatsapp, Zoom, Facetime dan sebagainya.



### Mengamalkan 3M

Semasa anda saling berkunjung semasa Hari Raya, pastikan anda sentiasa mengamalkan norma baharu seperti memakai pelitup muka, membasuh tangan dengan sabun atau membawa hand sanitizer untuk digunakan apabila perlu, dan meletakkan tangan di dada sebagai tanda bersalaman.



### Pindahan Duit

Sudah menjadi adat untuk memberi dan menerima duit raya semasa Hari Raya, namun ia tidak sesuai untuk memberi duit raya fizikal buat masa sekarang. Gunakan myBSN, e-wallet, atau DuitNow untuk menggantikan pemberian duit raya tanpa sentuhan dan ianya lebih mudah!



### Bergambar Bersama Keluarga

Sesi yang paling dinantikan adalah bergambar bersama seisi keluarga dengan menggayakan baju raya masing-masing. Walaupun berjauhan, family portrait tak boleh dilupakan.

Untuk anda yang menggunakan video call pun masih boleh tangkap gambar beramai-ramai.



## Raya Cash Back

dengan Kad Kredit BSN

Rebut peluang memenangi duit raya sehingga **RM140,000** apabila anda belanja minimum RM50 dengan Kad Kredit BSN anda. Barulah raya lebih bermakna!

Tempoh Kempen: 1 April 2021 - 31 Julai 2021







[Ketahui lebih lanjut](#)

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakuk pada terma dan syarat.



## Bina harapan anda dengan Pembiayaan Perumahan BSN

### Kempen BSN Mega Home

Mohon sekarang untuk berpeluang memenangi **Proton X50** atau **BSN SSP** bernilai sehingga RM10,000!

**Hadiah Utama**  
**Proton X50 x 1 pemenang**

**Hadiah Baki Tahunan**  
**BSN SSP RM10,000**  
x 3 pemenang setiap suku tahun.

**Hadiah Bimbingan**  
**BSN SSP RM1,000**  
x 3 pemenang setiap bulan.

Tempoh Kempen: 1 Januari - 31 Disember 2021

[Ketahui lebih lanjut](#)

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakuk pada terma dan syarat.



## HADIAH BERNILAI LEBIH RM30 JUTA

### MENANTI ANDA DENGAN BSN SSP 2021!

[Ketahui lebih lanjut](#)

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakuk pada terma dan syarat.

## Kempen "Do It" Raya

Kadar tetap serendah

# 2.38%

setahun

### Sempurnakan Hari Raya anda dengan Pembiayaan Peribadi BSN MyRinggit/i

Tempoh kempen: 1 April - 30 Jun 2021

Tempoh Pembiayaan Maksimum adalah 10 Tahun

Nota: 2.38% kadar tetap untuk tempoh pembiayaan 3 tahun (bersamaan KA\* + 1.92%)  
\*Kadar Asas (KA) BSN semasa ialah 2.60% (efektif dari 15 Julai 2020)

[Ketahui lebih lanjut](#)

Tertakuk pada terma dan syarat.

## Aktiviti Penyampaian Cenderahati Kepada EB BSN Yang Menyertai Peraduan “Swafoto Dengan Bendera Malaysia

Terima kasih kepada EB BSN yang telah menyertai peraduan “Swafoto Dengan Bendera Malaysia” yang telah berlangsung pada Hari Kebangsaan 2020.




## Penyertaan Bagi Peraduan Sambung Ayat EB BSN

Empat (4) EB BSN telah menyertai peraduan “Sambung Ayat EB BSN” yang telah dianjurkan pada Januari 2021 yang lepas. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada keempat-empat EB BSN ini yang telah memberi sokongan pada peraduan ini.

Syabas! Kesemua EB BSN yang menghantar penyertaan akan diberikan cenderahati istimewa daripada kami. Berikut merupakan penyertaan yang telah kami terima.

- 1) “Saya suka menjadi EB BSN kerana berpeluang menjadi duta kecil BSN yang menawarkan perkhidmatan asas kepada masyarakat”  
– Mohammad Siddik bin Syed Ali
- 2) “Saya suka menjadi EB BSN kerana gembira dapat berkhidmat dan memudahkan banyak urusan masyarakat setempat” – Zuraini Sahari
- 3) “Saya suka menjadi EB BSN kerana dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan menambah pendapatan syarikat”  
– Nik Azmi Bin Nik Mahamud
- 4) “Saya suka menjadi EB BSN kerana berdaya saing meniti kejayaan mencapai impian menuju wawasan masa depan”  
– Jamilah binti Husain



## Meriahkan Hari Raya Anda Dengan Norma Baharu Di Media Sosial

Walaupun sambutan Hari Raya pada tahun ini dengan norma baharu, ia tidak menghalang untuk kita memeriahkan Hari Raya dengan teknologi. Jom sama-sama kita "selfie" pada Hari Raya dan muat naik gambar anda di media sosial.

Jangan lupa meletakkan #EBBSNRayaNormaBaharu. Gambar-gambar yang menarik akan kami pilih dan berpeluang memenangi cenderahati istimewa daripada BSN.





